

# TAEKWANDO

## 1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan acara Taekwondo ini dijalankan mengikut undang-undang seperti berikut:-

1.1.1 Undang-undang dan Peraturan AM Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

1.1.2 Undang-Undang **World Taekwondo Federation** (WTF).

1.2 Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut :

LELAKI	WANITA	CAMPURAN
Poomsae Individu	Wanita Individu	
Poomsae Berpasukan	Poomsae Berpasukan	Poomsae Campuran
Fin (Tidak Lebih 54 Kg)	Fin (Tidak Lebih 46 Kg)	
Fly (54 Kg – 58 Kg)	Fly (46 Kg – 49 Kg)	
Bantam (58 Kg – 63 Kg)	Bantam (49 Kg – 53 Kg)	
Feather (63 Kg – 68 Kg)	Feather (53 Kg – 57 Kg)	
Light (68 Kg – 74 Kg)	Light (57 Kg – 62 Kg)	
Welter (74 Kg – 80 Kg)	Welter (62 Kg – 67 Kg)	
Middle (80 Kg – 87 Kg)	Middle (67 Kg – 73 Kg)	
Heavy (87 Kg Ke Atas)	Heavy (73 Kg Ke Atas)	

1.3 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar hanya seorang peserta bagi setiap kategori.

1.4 Peserta yang telah berdaftar bagi kategori Kyorugi tidak boleh menyertai acara Poomsae dan begitu juga sebaliknya.

1.5 Seorang peserta boleh menyertai tidak lebih dari dua (2) acara dalam kategori Poomsae. (Individu, berpasukan atau campuran).

1.6 Setiap peserta diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya.

1.7 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum pertandingan bermula.

## 2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Cabut undi akan dijalankan sebelum kejohanan berlangsung.
- 2.2 Acara Kyorugi : Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 2.3 Acara Poomsae : Pertandingan akan dijalankan secara penilaian berkumpulan di peringkat awal dan . Lapan (8) Peserta terbaik akan mara ke peringkat akhir. sekiranya terdapat lapan (8) atau kurang penyertaan bagi setiap kategori, maka pertandingan akan terus ke peringkat akhir.
- 2.4 Bagi acara kyorugi, masa yang peruntukkan bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit dan 3 pusingan akan diperuntukkan (2, 1, 2, 1, 2) untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.
- 2.5 Bagi acara poomsae, setiap peserta perlu bersedia dengan 'pattern' seperti berikut :

<b>LELAKI &amp; WANITA</b>	<b>PUSINGAN AWAL HINGGA AKHIR</b>
Individu	Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo, Keumgang, Taeback, Pyongwon, Shipjin
Berpasukan (3 Orang)	Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo, Keumgang, Taeback
Campuran (2 Orang)	Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo, Keumgang, Taeback,

- 2.6 'Pattern' yang akan dipertandingkan bagi peringkat awal dan akhir akan ditentukan melalui undian sebelum kejohanan berlangsung.
- 2.7 Bagi acara poomsae, semua peserta dikehendaki untuk melakukan dua (2) 'pattern' pada peringkat kumpulan dan pusingan akhir.
- 2.8 Peserta yang kalah di separuh akhir bagi acara kyorugi dan peserta ditempat keempat bagi acara poomsae dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.
- 2.9 Peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang sehari sebelum pertandingan bermula. (bagi acara Kyorugi sahaja).
- 2.10 Berat semua peserta mestilah tetap mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan sekiranya melebihi atau berada di bawah berat kategori yang didaftarkan.
- 2.11 Timbang berat percubaan akan dijalankan satu jam sebelum timbang berat rasmi untuk mengurangkan pengguguran kategori.
- 2.12 Peralatan pertandingan hendaklah di bawa sendiri oleh pasukan/universiti masing-masing. Contoh : Head Gear, Body Protector dan lain-lain.

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



2.13 Semasa kejohanan berlangsung, sebanyak 3 panggilan akan diberikan kepada peserta yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

### 3. RINGKASAN PENYERTAAN

Kategori	Atlet		Pegawai		
	Lelaki	Wanita	Pengurus	Jurulatih	Perubatan
Fin	1	1	2	2	1
Fly	1	1			
Bantam	1	1			
Feather	1	1			
Light	1	1			
Welter	1	1			
Middle	1	1			
Heavy	1	1			
Poomsae Individu	1	1			
Poomsae Berpasukan	3	3			
Poomsae Campuran	1	1			